

**PENGURUSAN KOSWER MULTIMEDIA DI KALANGAN
GURU-GURU SAINS DAN MATEMATIK SEKOLAH-
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH PENAMPANG,
SABAH: HUBUNGANNYA DENGAN MOTIVASI
DAN KEPUASAN KERJA**



ANNA LIEW

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2005**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

ANNA LIEW
PS03-006(K)-032
10 JUN 2005



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia disertasi, En. Tan Choon Keong atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh kajian disertasi ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan kajian ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ANNA LIEW
PS03-006(K)-032

ABSTRAK

PENGURUSAN KOSWER MULTIMEDIA DI KALANGAN GURU-GURU SAINS DAN MATEMATIK SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH PENAMPANG, SABAH: HUBUNGANNYA DENGAN MOTIVASI DAN KEPUASAN KERJA

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau tahap pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik di enam buah sekolah menengah di Daerah Penampang, Sabah. Secara spesifik kajian ini bertujuan untuk 1) mengenal pasti kekerapan penggunaan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik 2) mengenal pasti apakah tahap pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik 3) mengenal pasti apakah tahap motivasi guru-guru sains dan matematik 4) mengenal pasti apakah tahap kepuasan kerja guru-guru sains dan matematik 5) mengenal pasti hubungan antara tahap pengurusan koswer multimedia dengan tahap motivasi guru 6) mengenal pasti hubungan antara tahap pengurusan koswer multimedia dengan tahap kepuasan kerja guru-guru. Seramai 55 orang guru terlibat dalam kajian ini. Segala maklumat diperolehi dengan menggunakan satu set borang soal selidik. Setiap pernyataan diukur dengan menggunakan skala Likert empat. Data telah diproses dengan menggunakan pengaturcaraan '*Statistical Package For the Social Science*' (SPSS) versi 12.0. Statistik deskriptif dianalisis secara peratus dan min. Secara keseluruhan, tahap pengurusan koswer multimedia dan tahap motivasi guru adalah tinggi. Manakala tahap kepuasan kerja guru adalah sederhana tinggi. Penganalisisan data juga dilakukan dengan menggunakan kaedah korelasi Pearson. Analisis korelasi mendapati wujud perhubungan yang positif dan signifikan di antara pengurusan koswer multimedia dengan motivasi guru. Analisis korelasi juga mendapati wujud perhubungan yang positif dan signifikan di antara pengurusan koswer multimedia dengan kepuasan kerja guru. Berdasarkan kajian ini, satu rumusan dihasilkan iaitu motivasi dan kepuasan kerja memberi kesan kepada tahap pengurusan koswer multimedia guru.

ABSTRACT

MULTIMEDIA COURSEWARE MANAGEMENT AMONG SCIENCE AND MATHEMATICS TEACHERS OF SECONDARY SCHOOL IN PENAMPANG DISTRICT, SABAH: ITS RELATIONSHIP WITH MOTIVATION AND JOB SATISFACTION

This is an initial study to identify the level of multimedia courseware management among science and mathematics teachers of six secondary school in Penampang District, Sabah. This study is specially to 1) identify the frequency usage of multimedia courseware among the science and mathematics teachers 2) identify the level of multimedia courseware management among the science and mathematics teachers 3) identify the level of motivation among the science and mathematics teachers 4) identify the level of job satisfaction among the science and mathematics teachers 5) the relationship between multimedia courseware management and teachers' motivation 6) the relationship between multimedia courseware management and teachers' job satisfaction. Fifty-five teachers were involved in the study. Data were obtained from the teachers by using a set of questionnaire. All statements were measured using the four Likert scale. Data was processed and analysed using 'Statistical Package For the Social Science' (SPSS) version 12.0. Descriptive statistics was analysed in percentage and mean. The level of multimedia courseware management and teachers' motivation is high but teachers' job satisfaction is average high as a whole. Data was also analysed using Pearson correlation. Correlation analysis showed that there was a positive and significant relationship between multimedia courseware management and teachers' motivation. Correlation analysis also showed that there was a positive and significant relationship between multimedia courseware management and teachers' job satisfaction. Based on this study, it can be concluded that motivation and job satisfaction has an effect on the level of multimedia courseware management.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	i
------------------	---

PENGHARGAAN	ii
--------------------	----

ABSTRAK	iii
----------------	-----

ABSTRACT	iv
-----------------	----

KANDUNGAN	v
------------------	---

SENARAI JADUAL	viii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	x
----------------------	---

BAB 1	PENGENALAN KAJIAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Kesignifikan Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	8
1.9	Definisi Operasional	8
BAB 2	KAJIAN-KAJIAN LITERATUR	10
2.1	Pengenalan	10
2.2	Konsep Multimedia	10
2.3	Faedah Penggunaan Koswer Multimedia	10
2.4	Pengurusan Koswer Multimedia Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	13
2.4.1	Perancangan Koswer Multimedia Dalam Perancangan dan Pembelajaran	15
2.4.2	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.4.3	Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.4.4	Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran	18
2.5	Motivasi dan Kepuasan Kerja Berdasarkan Pandangan Sistem	19

2.5.1	Ciri Individu	20
2.5.1.1	Teori-teori Kandungan	23
2.5.1.2	Perbandingan antara teori-teori kandungan	27
2.5.2	Ciri Kerja	28
2.5.2.1	Teori Dua Faktor Herzberg	29
2.5.3	Ciri Keadaan Kerja	32
2.6	Kajian Lepas	33
2.6.1	Kajian Lepas Motivasi Guru	34
2.6.2	Kajian Lepas Kepuasan Kerja	36
2.6.3	Kajian Lepas Hubungan Antara Pengurusan, Motivasi Dengan Kepuasan Kerja	41

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Tempat Kajian	43
3.4	Sampel Kajian	44
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Tatacara Pengumpulan Data	49
3.7	Penganalisis Data	49
3.8	Kajian Rintis	53
3.9	Prosedur Dalam Melaksanakan Kajian	54

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	55
4.1	Pengenalan	55
4.2	Latar Belakang Responden	55
4.3	Kekerapan Penggunaan Koswer Multimedia	59
4.4	Tahap Pengurusan Koswer Multimedia	60
4.5	Tahap Motivasi Guru-guru Sains Dan Matematik	65
4.6	Tahap Kepuasan Kerja Guru-guru Sains Dan Matematik	69
4.7	Hubungan Antara Skor Pengurusan Koswer Multimedia Dengan Skor Motivasi Guru-guru Sains Dan Matematik	74
4.8	Hubungan Antara Skor Pengurusan Koswer Multimedia Dengan Skor Kepuasan Kerja Guru-guru Sains Dan Matematik	75

BAB 5	RUMUSAN DAN PERBINCANGAN	76
5.1	Pengenalan	76
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Kekerapan Penggunaan Koswer Multimedia Di Kalangan Guru-guru Sains Dan Matematik	76

5.2.2	Tahap Pengurusan Koswer Multimedia Guru-guru Sains Dan Matematik Secara Keseluruhan	77
5.2.3	Tahap Motivasi Guru-guru Sains Dan Matematik Secara Keseluruhan	78
5.2.4	Tahap Kepuasan Kerja Guru-guru Sains Dan Matematik Secara Keseluruhan	79
5.2.5	Hubungan Antara Tahap Pengurusan Koswer Multimedia Dengan Motivasi Guru	80
5.2.6	Hubungan Antara Tahap Pengurusan Koswer Multimedia Dengan Kepuasan Kerja Guru	81
5.3	Cadangan	82
RUJUKAN		83

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

LAMPIRAN C

LAMPIRAN D



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Jadual

	Muka surat
Jadual 1.1	Bilangan koswer multimedia berdasarkan tingkatan 3
Jadual 3.1	Jadual spesifikasi item 48
Jadual 3.2	Jadual data deskriptif 50
Jadual 3.3	Tahap pengurusan koswer multimedia 51
Jadual 3.4	Tahap motivasi guru 51
Jadual 3.5	Tahap kepuasan kerja guru 51
Jadual 3.6	Jadual data pemboleh ubah 52
Jadual 3.7	Jadual data inferensi 52
Jadual 3.8	Nilai pekali Korelasi Pearson 53
Jadual 4.1	Mata pelajaran yang diajar oleh responden 56
Jadual 4.2	Bilangan waktu pengajaran 57
Jadual 4.3	Tempoh pengalaman menggunakan koswer multimedia 58
Jadual 4.4	Kekerapan penggunaan koswer multimedia 59
Jadual 4.5	Taburan responden mengikut kategori pengurusan koswer multimedia 61
Jadual 4.6	Tahap pengurusan koswer multimedia responden 64
Jadual 4.7	Taburan responden mengikut kategori motivasi kerja 66
Jadual 4.8	Tahap motivasi kerja responden 68
Jadual 4.9	Taburan responen mengikut kategori kepuasan kerja 70

Jadual 4.10	Tahap kepuasan kerja responden	73
Jadual 4.11	Hubungan antara skor pengurusan multimedia koswer multimedia dengan skor tahap motivasi guru	74
Jadual 4.12	Hubungan antara skor pengurusan multimedia koswer multimedia dengan skor tahap kepuasan kerja guru	75



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Rajah

		Muka surat
Rajah 2.1	Model pengurusan sistem pengajaran	15
Rajah 2.2	Pandangan sistem mengenai dorongan	20
Rajah 2.3	Susunan Keperluan Maslow	26
Rajah 2.4	Sinopsis ketiga-tiga teori motivasi kandungan	28
Rajah 2.5	Perbandingan tugas	31
Rajah 2.6	Perhubungan faktor ' <i>motivator</i> ' dalam Teori Dua Faktor Herzberg	32
Rajah 2.7	Perhubungan faktor ' <i>hygiene</i> ' dalam Teori Dua Faktor Herzberg	33
Rajah 2.8	Teori Motivasi Budaya Tersekat	41
Rajah 3.1	Skop pembinaan item berdasarkan dimensi pemboleh ubah	45
Rajah 4.1	Carta mata pelajaran yang diajar oleh responden	56
Rajah 4.2	Carta bilangan waktu yang diajar oleh responden	57
Rajah 4.3	Carta tempoh pengalaman menggunakan koswer multimedia	58
Rajah 4.4	Carta kekerapan menggunakan koswer multimedia oleh responden	60
Rajah 4.5	Carta skor tahap pengurusan koswer multimedia	65
Rajah 4.6	Carta skor tahap motivasi responden	69
Rajah 4.7	Carta skor tahap kepuasan kerja responden	73

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan komputer dalam masyarakat pada hari ini bukan satu isu yang baru. Boleh dikatakan setiap lapisan masyarakat menggunakan komputer. Balakrishnan (2002) berpendapat bahawa penggunaan komputer telah mengubah cara manusia bekerja, belajar dan berhibur. Ini adalah kerana komputer digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti perubatan, perhubungan, pengangkutan, pendidikan, perniagaan dan sebagainya.

Di sekolah, komputer bukan lagi hanya digunakan untuk urusan penulisan atau taip menaip malah komputer dikembangkan penggunaannya sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru. Keadaan ini jelas kelihatan penggunaan komputer dalam pendidikan menjadi lebih luas dan memainkan peranan yang lebih penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, guru-guru mempunyai tugas dan tanggungjawab yang mencabar untuk mendidik generasi baru dan bersedia untuk menghadapi persekitaran yang sentiasa berubah dengan pesat. Guru-guru perlu melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan, pelbagai kemahiran, bersikap positif dan mempunyai minda yang progresif sejajar dengan zaman berteknologi ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Ahmad Zamzuri dan Zarina (2004), penggunaan komputer pendidikan mula dilaksanakan secara terancang oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1994 di mana penggunaan ini adalah sebagai projek perintis di 15 buah sekolah rendah di negeri Selangor. Sekolah-sekolah ini dibekalkan dengan 40 topik perisian kursus pendidikan iaitu 32 topik Bahasa Inggeris. Perisian-perisian ini dibangunkan oleh Unit Komputer Dalam Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kini usaha ini bertambah serius dengan pelaksanaan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PSMBI) sebagai dasar baru pendidikan. Dasar ini digubal berasaskan hakikat bahawa sains dan matematik adalah bidang ilmu yang sangat dinamik dengan pelbagai penemuan baru dan sebahagian besar maklumat yang berkaitan dengannya terdapat dalam bahasa Inggeris.

Matlamat akhir dasar ini adalah untuk membolehkan murid mengakses maklumat yang berkaitan melalui pelbagai media supaya mereka mampu menguasai ilmu sains dan matematik dan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa di samping melahirkan generasi yang kukuh dalam penggunaan bahasa Inggeris (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Berikutan dengan pelancaran dasar tersebut, semua sekolah dikehendaki menggunakan teknologi secara meluas untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik. Sekolah-sekolah dilengkapi sepenuhnya dengan komputer dan kemudahan-kemudahan multimedia yang lain. Perubahan tersebut telah membawa suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang baru.

Untuk menjayakan program pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, pihak kementerian telah berusaha untuk memberi input-input seperti:

- a) semua guru yang mengajar sains dan matematik telah menjalani latihan dalam tiga peringkat :
 - kursus orientasi kurikulum sains dan matematik bagi sekolah rendah dan menengah
 - latihan profisiensi bahasa Inggeris melalui kursus '*Two days on-side*' dan '*Five days full immersion*'
 - latihan Komunikasi Teknologi Maklumat (ICT) untuk pengoperasian perkakasan notebook dan *Liquid Crystal Display* (LCD)
- b) semua sekolah dibekalkan
 - set generator kepada sekolah yang tidak ada bekalan elektrik

- peruntukan 'one-off' sebanyak RM 5000 – RM 15000 diberikan kepada sekolah untuk membeli peralatan tambahan
- Semua sekolah dilengkapi dengan projektor LCD, skrin, *speaker* dengan *subwoofer*, *notebook* dan troli

c) bahan sokongan yang dibekalkan adalah seperti

- koswer multimedia pengajaran (*teaching courseware*) dalam bahasa Inggeris
- skrip pengajaran dalam bahasa Inggeris
- pakej buku teks tambahan yang mengandungi buku teks jilid satu dan dua, buku aktiviti murid, buku panduan guru, koswer multimedia pengajaran guru dan murid.

Sehubungan itu, banyak koswer multimedia iaitu perisian komputer telah dibangunkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bersama beberapa buah syarikat multimedia tempatan yang dilantik. Bilangan koswer multimedia berdasarkan Myschoolnet (2005) disenaraikan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Bilangan koswer multimedia berdasarkan tingkatan

Tingkatan 1	Sains	10 perisian
	Matematik	9 perisian
Tingkatan 2	Sains	8 perisian
	Matematik	8 perisian
Tingkatan 3	Sains	2 perisian setakat ini
	Matematik	2 perisian setakat ini
Tingkatan 6 Rendah	Biologi	9 perisian
	Kimia	9 perisian
	Fizik	9 perisian
	Matematik Lanjutan T	25 perisian
	Matematik S, Matematik T	25 perisian
Tingkatan 6 Atas	Biologi	9 perisian
	Kimia	9 perisian
	Fizik	9 perisian
	Matematik Lanjutan T	25 perisian
	Matematik S, Matematik T	25 perisian

Isi kandungan koswer multimedia tersebut adalah berasaskan sukatan pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia. Isi pelajaran disampaikan dalam bentuk teks, suara, ilustrasi beranimasi, soalan-soalan latihan dan maklum balas dalam bentuk bunyi. Dalam konteks ini, guru sains dan matematik perlu membuat persediaan menggunakan koswer multimedia untuk pengajaran dan pembelajaran. Sehingga tahun ini, semua guru sains dan matematik sekolah menengah yang mengajar Tingkatan Satu, Dua, Tiga dan Enam menggunakan koswer multimedia yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Mona dan Nor Azilah (2003) telah menjalankan satu kajian ke atas 44 orang guru dalam latihan yang sedang mengikuti kursus amalan teknologi pengajaran di Universiti Sains Malaysia berkaitan dengan kedudukan pelbagai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah. Kajian tersebut mendapati integrasi komputer dalam pengajaran masih berada pada tahap yang rendah. Mereka lebih menggunakan komputer setakat untuk menyiapkan tugas harian mereka.

Satu kajian mengenai penggunaan *laptop* di kalangan guru sains Tingkatan Satu telah dijalankan oleh Ahmad Salim dan Yusup (2004). Dari kajian ini, mereka mendapati 88 peratus responden daripada keseluruhan menunjukkan tahap baik iaitu sikap positif terhadap penggunaan *laptop* manakala hanya 12 peratus menunjukkan tahap tidak baik. Ini menunjukkan bahawa guru sentiasa bersikap positif dalam penggunaan *laptop* dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru berpendapat *laptop* tidak membuang masa mereka menyalin bahan atau melukis gambar di papan hitam. Gambar yang diberikan dalam koswer multimedia lebih jelas dan tepat berbanding dengan carta.

Walaupun guru-guru mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan *laptop*, dari kajian yang sama, kadar kekerapan penggunaan *laptop* di kalangan guru kurang memuaskan. Hanya 20 peratus responden dari keseluruhan menggunakan *laptop* setiap

kali pengajaran dan pembelajaran dalam seminggu dan 60 peratus responden menggunakan *laptop* sekurang-kurangnya sekali seminggu. Guru menggunakan sebahagian waktu pengajaran dan pembelajaran untuk membuat amali dalam makmal setelah mendengar penerangan atau tayangan dari bahan koswer multimedia yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Keadaan yang sama didapati dari hasil kajian Ahmad Zamzuri dan Zarina (2004). Mereka telah mengkaji penggunaan pembelajaran berbantuan komputer di kalangan pensyarah teknikal di politeknik Malaysia dan mendapati pensyarah teknikal berminat dan mempunyai keyakinan terhadap penggunaan komputer. Mereka tidak bimbang akan risiko kemerosotan prestasi pelajar sekiranya menggunakan kaedah baru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Dapatan kajian tersebut mendapati hanya 15 peratus responden yang pernah menggunakan pengajaran pembelajaran berbantuan komputer. Walaupun responden mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan komputer, tetapi mereka tidak menggunakannya secara optimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Herzberg dalam Samsudin (2003), perhubungan seseorang individu terhadap tugasnya adalah sesuatu yang paling asas. Oleh itu sikap seseorang individu terhadap kerja boleh dikaitkan dengan kegagalan atau kejayaan seseorang individu. Kajian-kajian lepas telah mendapati tidak ramai guru menggunakan koswer multimedia dalam pengajaran mereka walaupun mereka mempunyai sikap yang positif dan faktor-faktor ekstrinsik seperti segala kemudahan iaitu projektor LCD, skrin, *speaker* dengan *subwoofer*, *notebook*, troli, koswer multimedia guru dan murid dalam bahasa Inggeris telah dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia serta pemberian elaun sebanyak 5 peratus kepada guru kategori siswazah dan 10 peratus kepada guru bukan siswazah.

Mengapa tahap penggunaan koswer multimedia adalah rendah di kalangan guru-guru sains dan matematik? Menurut Rosazman dan Balakrishnan (2001), tingkah laku seseorang mempunyai perkaitan dengan bagaimana sesebuah organisasi itu

mengendalikan tenaga kerjanya dan juga perhatian pengurusan mereka terhadap persoalan motivasi dan kepuasan kerja. Mungkinkah penggunaan koswer multimedia masih pada tahap rendah kerana guru-guru mempunyai tahap motivasi dan kepuasan kerja yang rendah? Dengan yang demikian, penyelidik ingin membuat kajian tentang perkaitan antara pengurusan koswer multimedia dengan motivasi dan kepuasan kerja di kalangan guru-guru sains dan matematik.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa persoalan yang timbul dan ingin dikaji oleh penyelidik tentang pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik. Antara persoalan tersebut ialah:

- i. Apakah kekerapan penggunaan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik?
- ii. Apakah tahap pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik secara keseluruhan?
- iii. Apakah tahap motivasi guru-guru sains dan matematik secara keseluruhan?
- iv. Apakah tahap kepuasan kerja guru-guru sains dan matematik secara keseluruhan?
- v. Adakah wujud hubungan antara pengurusan koswer multimedia dengan motivasi guru-guru sains dan matematik?
- vi. Adakah wujud hubungan antara pengurusan koswer multimedia dengan kepuasan kerja guru-guru sains dan matematik?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara keseluruhannya adalah

- i. Untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik.
- ii. Untuk mengenal pasti tahap pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik.

- iii. Untuk mengenal pasti tahap motivasi guru-guru sains dan matematik.
- iv. Untuk mengenal pasti tahap kepuasan kerja guru-guru sains dan matematik.

Manakala objektif khusus yang ingin dikaji adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengurusan koswer multimedia dengan tahap motivasi guru-guru.
- ii. Untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengurusan koswer multimedia dengan tahap kepuasan kerja guru-guru.

1.6 Hipotesis Kajian

Dua hipotesis telah dibina untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan-persoalan kajian. Kesemua pernyataan hipotesis adalah berbentuk hipotesis nol. Hipotesis digunakan untuk mengukur objektif khusus di atas adalah seperti berikut:

- H_{01} : Tidak wujud hubungan antara skor pengurusan koswer multimedia dengan skor motivasi guru sains dan matematik
- H_{02} : Tidak wujud hubungan antara skor pengurusan koswer multimedia dengan skor kepuasan kerja guru sains dan matematik.

1.7 Kesignifikan Kajian

Kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang kekerapan penggunaan koswer multimedia, tahap pengurusan koswer multimedia, tahap motivasi dan tahap kepuasan kerja guru-guru. Kajian ini juga memberi kefahaman yang mendalam tentang hubungan pengurusan koswer multimedia dengan motivasi dan kepuasan kerja di kalangan guru-guru sains dan matematik.

Dengan mengetahui tahap pengurusan koswer multimedia di kalangan guru-guru sains dan matematik, perbandingan boleh dibuat bagi menentukan faktor-faktor yang mendorong dan menghalang mereka menggunakan koswer multimedia semasa melaksanakan tugas-tugas mereka. Adakah pengurusan koswer multimedia melibatkan faktor-faktor motivasi seperti keperluan, sikap dan minat? Adakah pengurusan koswer

multimedia melibatkan faktor-faktor kepuasan kerja seperti faktor '*hygiene*' dan '*motivator*'? Faktor-faktor tersebut adalah penting sebagai panduan kepada pihak pentadbir untuk merancang tindakan yang sesuai untuk meningkatkan mutu kerja guru-guru. Motivasi dan kepuasan kerja guru-guru tidak harus diambil ringan kerana guru-guru merupakan tenaga penggerak utama untuk menjayakan dasar pendidikan ini.

1.8 Batasan Kajian

Kajian korelasi ini hanya mengukur perhubungan antara tahap pengurusan koswer multimedia, motivasi dan kepuasan kerja guru sains dan matematik. Rekabentuk kajian ini hanya menerangkan kekuatan kaitan dan juga sama ada signifikan atau tidak. Komponen koswer multimedia yang dikaji adalah terhad kepada koswer multimedia yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kajian ini hanya dijalankan ke atas sekolah menengah di daerah Penampang dan guru-guru sains dan matematik yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik Tingkatan Satu, Dua, Tiga dan Enam Atas. Memandangkan bilangan sampel yang kecil dan lokasi yang terbatas, maka kajian ini tidak boleh diaplikasikan untuk menerangkan bahawa keadaan yang sama wujud di semua sekolah menengah di seluruh Malaysia.

1.9 Definisi Operasional

Multimedia: Penggunaan dua atau lebih jenis media seperti video bergerak, audio, imej, kaku, grafik, animasi, teks, dan lain-lain lagi bagi komunikasi maklumat yang mewujudkan kategori informasi, pendidikan dan hiburan (Rozinah, 2000).

Koswer: Perisian komputer, manual dan alat bantu yang digunakan untuk mengajar sesuatu tajuk atau mata pelajaran dengan komputer (Kamus Komputer, 1995). Dalam

kajian ini, koswer multimedia adalah merujuk kepada koswer multimedia yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pengurusan koswer multimedia: Semua urusan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan koswer multimedia di bilik darjah, makmal sains atau makmal komputer. Pengurusan dalam kajian ini meliputi proses perancangan, pelaksanaan, penyeliaan dan penilaian pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan koswer multimedia.

Guru-guru Sains dan Matematik: Guru-guru sains dan matematik yang mengajar mata pelajaran-mata pelajaran berkenaan dan bertugas secara formal di sekolah (Nordin & Roslee, 2003). Dalam kajian ini, guru-guru sains dan matematik yang dimaksudkan adalah guru sains dan matematik yang mengajar di sekolah menengah di daerah Penampang.

Motivasi: Penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu (Saedah, Zainun & Tunku Mohani, 1996). Dalam konteks kajian ini, faktor motivasi adalah berdasarkan teori-teori kandungan.

Kepuasan kerja: Kesan sesuatu kerja ke atas psikologi dan fisiologi seseorang individu berkenaan sama ada memberi kesan emosi yang positif dan menyeronokkan atau sebaliknya (Muhamad Ali, 2003).

kajian ini, koswer multimedia adalah merujuk kepada koswer multimedia yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pengurusan koswer multimedia: Semua urusan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan koswer multimedia di bilik darjah, makmal sains atau makmal komputer. Pengurusan dalam kajian ini meliputi proses perancangan, pelaksanaan, penyeliaan dan penilaian pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan koswer multimedia.

Guru-guru Sains dan Matematik: Guru-guru sains dan matematik yang mengajar mata pelajaran-mata pelajaran berkenaan dan bertugas secara formal di sekolah (Nordin & Roslee, 2003). Dalam kajian ini, guru-guru sains dan matematik yang dimaksudkan adalah guru sains dan matematik yang mengajar di sekolah menengah di daerah Penampang.

Motivasi: Penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu (Saedah, Zainun & Tunku Mohani, 1996). Dalam konteks kajian ini, faktor motivasi adalah berdasarkan teori-teori kandungan.

Kepuasan kerja: Kesan sesuatu kerja ke atas psikologi dan fisiologi seseorang individu berkenaan sama ada memberi kesan emosi yang positif dan menyeronokkan atau sebaliknya (Muhamad Ali, 2003).

BAB 2

KAJIAN-KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Beberapa konsep yang penting seperti multimedia, motivasi dan kepuasan kerja akan dibincangkan dalam bab ini berdasarkan beberapa teori yang terkemuka dan kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri.

2.2 Konsep Multimedia

Menurut Rozinah (2000), multimedia ialah integrasi elemen-elemen teks, audio, grafik, animasi, video dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses pembelajaran berkesan dan menghidupkan suasana.

Setiap elemen ini mempunyai fungsi masing-masing seperti teks digunakan dalam tajuk utama isi dan arahan topik, grafik dapat menambahkan visual dan menerangkan konsep yang tidak dapat diterangkan dengan teks, audio dapat menambahkan suasana dengan muzik kesan bunyi '*voice-over*' sebagai komunikasi idea, video menunjukkan gambar secara realistik dan animasi digunakan untuk menghidupkan pelajaran dalam suasana realistik.

2.3 Faedah Penggunaan Koswer Multimedia

Kajian dari *Computer Technology Research* (1993) dalam Rozinah (2000) menyatakan bahawa seseorang dapat menyimpan hanya 20 peratus daripada apa yang mereka lihat; 30 peratus daripada apa yang mereka dengar; 50 peratus daripada apa yang mereka lihat dan dengar; 80 peratus daripada apa yang mereka lihat, dengar dan buat serentak. Justeru, murid lebih memahami sesuatu tajuk dengan menggunakan koswer multimedia iaitu perisian komputer kerana mereka dapat melihat, mendengar dan membuat latihan atau tugas yang diberi oleh guru.

Kajian-kajian yang berkaitan dengan penggunaan koswer multimedia telah dijalankan oleh Bhasah dan Rafidah (2003) tentang penggunaan '*The Geometer's Sketchpad*' (GSP) dalam mata pelajaran matematik; Achmad Sopandi (2003) tentang penggunaan ECMi (Eco-Color Multimedia Interaktif) dalam pengajaran kursus batik Fakulti Seni dan Muzik; Amily Shafila dan Ahmad Yasir (2004) menggunakan koswer multimedia dalam pengajaran mata pelajaran matematik Tingkatan Dua; Mohd Arif, Mohd Jasmy dan Rossafri (2004) menggunakan koswer multimedia dalam pengajaran mata pelajaran sejarah Tingkatan Satu. Dari kajian-kajian tersebut, mereka mendapati penggunaan koswer multimedia telah terbukti berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka mendapati bahawa wujud peningkatan mutu dan prestasi pengajaran dan pembelajaran.

Banyak faedah boleh diperolehi dengan menggunakan koswer multimedia. Dari kajian-kajian yang telah dijalankan Poh, Mokhtar Affandi dan Tajuddin (1996); Mohd Zaliman dan Manjit (2001), faedah penggunaan koswer multimedia kepada murid adalah seperti berikut:

- dapat mencetuskan motivasi murid
- komputer memberi ruang dan peluang kepada murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran mengikut kemampuan murid.
- mencetuskan pembelajaran interaktif di kalangan murid
- murid belajar melalui kaedah penerokaan dengan mengemukakan soalan-soalan yang kritis dan kreatif.
- murid boleh memperolehi maklum balas yang cepat dari komputer seperti markah, jawapan dan tips. Murid dapat memahami tahap pencapaian sendiri berdasarkan maklum balas komputer dan memperbaiki kelemahan diri.
- komputer boleh memantau pencapaian murid dan mengelakkan berlaku kesilapan mengira markah yang mungkin timbul semasa mentadbir ujian.
- menyunting dan mengaturnya bagi menyediakan bahan pengajaran mengikut kemampuan murid